

**RUMAH BUNBUNG PANJANG SERAMBI DUA BELAH DI KEDAH**  
Case study; diantara pekan Simpang Empat dan pekan  
Kota Sarang Semut.

Ini adalah disahkan bahawa kajian Akhir ini telah disediakan oleh;

SHAFIZAN HJ. AHMAD  
Diploma Senibina  
ITM, Shah Alam  
Selangor D.E.

88182574

04/08

Kajian akhir ini telah dibaca dan disemak oleh;

En. Amran B. Abdul Rahman  
Tutor

Tandatangan;

.....

tarikh;

.....

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya, saya telah berjaya menyiapkan kajian akhir saya dibawah tajuk " Rumah Bumbung Panjang Serambi Dua Belah Di Kedah".

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Amran B. Abdul Rahman, selaku tutor kajian saya ini, yang begitu mengambil berat dan memberi tunjuk ajar yang berguna untuk kajian saya ini.

Jutaan terima kasih kepada saudara Yosri Yunos yang sekali lagi membantu dan memberi saya tunjuk ajar kepada saya untuk menyiapkan kajian saya serta tunjuk ajar dalam menggunakan Wordstar 5. Tidak dilupakan juga rakan-rakan sekelas saya, 88-92, terutamanya Rizal 'The gedebeh', Shaiful Anuar 'Stung', Bob Khalil, Azhar Maidus, Saha 'ah suey', Ajang, dan semuanya sekali. Walaupun nama kalian tidak termuat disini tetapi pengalaman bersama anda semua amat bermakna sekali bagi saya.

Tidak dilupakan kepada saudara-saudara saya, Shade, Yus, Salim dan Sam, Mak Teh dan Pak Teh;

ISIKANDUNGAN	muka surat
-----	
PENGHARGAAN	i-iii
ISIKANDUNGAN	iv-v
Pengenalan	vi-ix
ARCA KAJIAN	x-xii
RENUNGAN	xiii-xiv
ABSTRAK	xv-xvii

-----  
BAB 1  
-----

PESADA KATA; Senibina Rumah Tradisional	1-4
SENIBINA MELAYU	5
JENIS RUMAH TRADISIONAL	6-15
PENGARUH PADA SENIBINA TRADISIONAL	16-21
KONSEP DAN FUNGSI RUMAH TRADISIONAL	22-26

-----  
BAB 2  
-----

FALSAFAH KEBUDAYAAN MELAYU	27-29
KONSEP BUNGA TERATAI	30-34
PEMILIHAN BULAN UNTUK MEMBINA RUMAH	35-37

-----  
BAB 3  
-----

SEJARAH ASAL USUL RUMAH BUMBUNG PANJANG DI KEDAH	38-44
SEJARAH RUMAH KEDAH DAN PENGARUHNYA	45-46

## ARCA KAJIAN

---

Rumah merupakan tempat perlindungan yang diharapkan oleh setiap insan mahupun haiwan untuk perlindungan dari panas hujan dan musuh-musuhnya.

Semenjak dari zaman pra-sejarah lagi, manusia telah tinggal didalam gua. Apabila mendapati cara ini sudah tidak selamat lagi, mereka mula mendirikan rumah-rumah mereka diatas pokok-pokok. Akan tetapi, rumah-rumah diatas pokok ini terlalu kecil dan tidak selesa, terutamanya apabila mereka mulai berkeluarga. Kemudian mulalah satu era pembinaan rumah diatas tanah. Evolusi dari sini, maka terbentuklah rumah-rumah bertiang diatas tanah yang lebih besar, kukuh dan selamat.

Apabila pemikiran manusia mulai maju, mereka telah membina rumah yang lebih kemas, dihiasi dengan ukiran-ukiran yang cantik serta mahal pula. Di Malaysia, rumah-rumah lama ini juga ditinggalkan terus menjadi warisan paling bernilai walaupun jumlahnya sudahpun berkurangan.